

SOAL UNITED FRONT ATAU BARISAN BERSEKUTU RAGAM ORANG-ORANG CINA MENYENTUH PERASAAN MELAYU

Udara siasah Tanah Melayu, hari-hari ini, sebagaimana ianya merupakan semangat pergerakan yang cergas menuju kepada menentukan kedudukan masa hadapan bagi Tanah Melayu dan rakyatnya begitulah pula ianya mengandungi hasrat-hasrat yang tiada dikehendaki. Soal *United Front* atau Barisan Bersekutu atau soal Kongres Nasional yang sangat dikehendaki oleh rakyat yang bercita-cita kepada kemerdekaan Malaya ini adalah sedang menjadi kehendak besar dan sedang hampir kepada wujudnya dan itulah tanda kecergasan. Sementara ini juga ragam orang-orang Cina, semakin hebat dan mengharukan.

(oleh Abham)

Barisan Bersekutu

Langkah UMNO mencapai kemerdekaan sedang terjelas.

Sungguhpun UMNO, bagi pihak bangsa Melayu sedang berjuang kerana kemerdekaan Tanah Melayu ini akan tetapi di dalam ikhtiar mencapaikan kemerdekaan itu UMNO adalah suka bekerjasama dengan lain-lain pihak, badan siasah ataupun kaum yang menjadi rakyat yang taat setia kepada negeri ini.


Langkah yang pertama yang sedang dijalankan oleh UMNO di dalam hal ini ialah mengadakan persidangan meja bulat dengan pertubuhan MCA juga sedang menunjukkan sanggupannya bekerjasama dengan UMNO dengan perbuatannya bersekutu di dalam pertandingan pilihan raya dan mengambil bahagian di dalam rundingan meja bulat.

Persidangan meja bulat di antara dua pihak yang tersebut itu, bukan sahaja suatu langkah permulaan bagi kerjasama di antara rakyat Tanah Melayu yang berbagai kaum itu akan tetapi, boleh dipandang sebagai kena langkah dengan keadaannya. Dua pihak UMNO dan MCA ialah pihak yang terbesar yang berpengaruh dan di dalam perkara yang besar sebagai perkara kemerdekaan

Malaya ini, sudahlah sepatutnya dua pihak yang terbesar itu mendapat sefahaman dan persetujuan lebih dahulu dalam gerakan menyatukan tenaga dan meminta kesatuan semangat perjuangan yang tiada berbau perkauman manakala perkauman itulah yang dikatakan suatu galakan bagi kemerdekaan Malaya ini.

Persidangan meja bulat UMNO – MCA itu bolehlah dikatakan suatu langkahan merintis jalan kepada perpaduan rakyat Malaya dan begitulah besar ertinya. Akan tetapi setengah-setengah pihak dan setengah-setengah golongan orang Melayu, ada menaruh sangkaan yang berlainan terhadap dua pihak yang berunding itu, manakala setengah pihak menaruh cemburu dan setengah pihak iaitu setengah-setengah golongan bangsa Melayu, menaruh bimbang di atas hasil persidangan itu terhadap nasib orang Melayu.

Pihak Melayu itu, memang patut menaruh bimbang kerana nasib mereka masa hadapan adalah bergantung kepada permuafakatan dua pihak yang berunding itu. Akan tetapi, pihak UMNO telah mengaku tidak akan menjual bangsa Melayu dan persidangan meja bulat itu, adalah untuk mendatangkan faedah kepada bangsa Melayu dan bukan sebaliknya. Tengku Abdul Rahman Putra Yang Dipertua Agung UMNO yang mengetuai wakil-wakil UMNO



Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak sedang berjalan di hadapan barisan pelajar-pelajar Puteri Mahad al-Ihyā' al-Sharīf

di dalam persidangan meja bulat UMNO – MCA itu, sentiasa menyatakan demikian di dalam ucapan-ucapannya kepada orang-orang Melayu.

Sekiranya orang-orang Melayu ada menaruh bimbang di atas keputusan-keputusan UMNO – MCA itu, keputusan-keputusan itu akan dibentangkan di dalam persidangan Majlis Mesyuarat Agung UMNO di dalam bulan April yang akan datang dan di situ wakil-wakil UMNO akan menghalusi dan membahas buruk baiknya sesuatu perkara itu dan persidangan Kongres dari segala pihak dan puak itu kelak adalah lagi suatu langkah membuka rundingan-rundingan itu dengan seluas-luasnya. Di situ dan ketika itu tiadalah ada lagi rahsia atau barang yang diragu-ragukan.

Dengan adanya kongres yang terbuka itu tiadalah bererti ada pihak yang diketepikan atau fikiran ramai tiada diambil atau sebarang yang boleh dituduhkan kepada UMNO oleh sesiapa atau mana-mana pihak pun. Perbuatan bersetuju mengadakan kongres terbuka itu adalah suatu gerakan yang betul-betul menunjukkan perasaan pihak UMNO atau orang-orang Melayu yang baik terhadap kaum-kaum yang lain rakyat negeri ini dan tertinggallah bagi kaum-kaum yang lain itu menunjukkan sikapnya atau perasaannya terhadap orang-orang Melayu pula.

Kongres itulah akan menubuhkan suatu barisan persekutu atau *United Front* kelak dan pada menubuhkan *United Front* itulah tiap-tiap puak, pertubuhan dan wakil-wakilnya akan menunjukkan satu semangat, satu tujuan dan satu perjuangan yang menuju kepada satu maslahat jua iaitu kemerdekaan Malaya.

Apa jua fikiran dan kehendak atau tuntutan di dalam kongres itu mestilah yang menumpu tepat kepada kemerdekaan sahaja dan tidak kepada kehendak maslahat masing-masing. Di sinilah kaum-kaum yang mengaku taat setia kepada negeri ini menunjukkan ketulusan perasaan mereka dan kejujuran hatinya.

Tak ada perkara Cina atau lain

Kerana tujuan yang satu iaitu merdeka, itulah orang-orang Melayu, sedang memandang kepada matlamat itu dengan harapan kaum-kaum yang menjadi rakyat tanah air ini betul-betul memandang perkara itu mustahak, kerana faedah bersama dan bekerja ke arah itu juga sahaja tidak kepada lainnya.

Akan tetapi, nampaknya, di dalam tenaga mereka itu diharap dan di dalam segala usaha dikehendaki ditumpukan ke arah mencapai kemerdekaan itu, tidak kepada yang lainnya, ketika itu juga, golongan orang-orang Cina itu memustahakkan perkara Cina. Kehendak mereka kepada universiti Cina itu bukan sahaja, perbuatan itu sendiri menunjukkan mereka mengutamakan perkara Cina semata-mata bahkan dakwa-dakwa mereka sendiri menggunakan perkara itu perkara Cina.

Perhatikanlah apa kata seorang bangsa Cina yang berterus terang, tatkala membidas teguran-teguran dari pihak orang-orang Melayu, terutama akhbar-akhbar Melayu, yang membangkang cadangan hendak mengadakan universiti Cina itu di Malaya ini. Orang Cina itu berkata, yang merupakan kesombongan kebangsaannya, iaitu orang-orang yang membangkang universiti yang dicadangkan itu hendaklah menjaga hal mereka masing-masing dan, katanya kami yang akan mengadakan wang dan mengorbankan masa dan usaha bagi menubuhkan

(sambungan pada muka 44)

(sambungan daripada muka 6)

universiti Cina itu. Universiti itu, katanya lagi dengan berterang-terang ialah hak kami sendiri dan tidak berkait dengan sesiapa pun.

Perkataan orang Cina itu, iaitu perkara universiti Cina itu hal mereka yang tiada berkait dengan sesiapa pun, itu, memang betul, jika negeri ini negeri cita yang orang-orang Cina menjadi tuan haknya. Tetapi negeri ini negeri Melayu, bukannya negeri Cina, sudah tentu universiti yang menjadi perkara Cina itu bukan tempatnya di sini, sebagaimana juga sudah tentu perkara itu menyentuh kedudukan negeri ini dan sebab itulah digaduhkan. Sekiranya orang-orang Cina itu bercadang hendak mendirikan universiti Cina itu di negeri Cina, jangankah sebuah, bahkan sepuluh, seratus hatta seribu buah pun tiadalah orang-orang Melayu gaduhkan.

Oleh itu jikalau perkara itu dikatakan perkara Cina pergi sahajalah bangunkannya di negeri Cina. Di sini ialah negeri Melayu dan tidak ada perkara Cina atau lainnya di sini.

Menyentuh perasaan Melayu

Orang-orang Melayu memang tidak berniat tidak baik kepada Cina atau sesiapapun. Contoh-contoh yang menunjukkan baik ingatan orang Melayu kepada kaum Cina dan lain-lainnya memang ada banyak. Keredhaan orang-orang Melayu memberi taraf kerakyatan kepada kaum-kaum yang lain itu adalah satu dalil yang nyata dan begitu juga bersedianya orang Melayu hendak berkongres dan membentuk barisan bersekutu atau United Front itu adalah sebesar-besarnya dalil lagi. Akan tetapi gerak geri dan perbuatan-perbuatan kaum yang lain itu adalah sentiasa menyentuh perasaan orang-orang Melayu dan dari sebab-sebab itulah orang Melayu menaruh was-was di atas kejujuran orang asing seperti Cina itu dan begitulah perasaan was-was dan bimbang orang-orang Melayu itu ada dengan sebabnya.

Jikalau orang Cina boleh mengatakan orang-orang Cina

hendak menguruskan perkaranya sendiri dan orang lain hendaklah jaga halnya sendiri masakan orang-orang Melayu boleh percaya kepada kejujuran orang Cina terhadap orang Melayu dan negeri ini.

Kalau sebenarnya jujur

Bidasan orang Cina terhadap bangkangan kepada universiti Cina yang demikian itu, bukan sahaja menunjukkan suatu sikap bongkak dari pihak mereka itu akan tetapi adalah suatu tamparan kepada orang Melayu sendiri. Selagi sikap yang demikian masih ada dan masih ditunjukkan oleh mereka itu di negeri ini, tiadalah berguna segala United Front itu atau seumpamanya dan tiadalah bermakna segala akuan taat setia kepada negeri ini dan hendak mempunyai satu kebangsaan, satu negara dan satu tujuan itu hendak mencapai kemerdekaan Malaya untuk bersama.

Kalau sebenarnya, kaum Cina, sebagaimana juga kaum yang lain-lain itu jujur di dalam perasaannya dan jujur di dalam akuan taat setia iaitu hendak bernegara dengan negeri ini dan hendak hidup mati dengan negeri ini dan hendak menjadi rakyat yang berkebangsaan negeri ini yang merdeka, hapuskanlah cita-cita universiti Cina itu, sebagaimana juga cita-cita yang lain yang tiada kena mengena dengan perkara ini tetapi yang semata-mata bercorak Cina atau perkauman itu.



Pelajar-pelajar Puteri Maahad al-Ihya' al-Sharif Gunung Semanggu sedang bernasyid pada hari menyambut kedatangan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak pada 27.2.53.